



Australian Government

Kajian Semula Rangka Kerja Pelbagai Budaya

Merperkenalkan Kajian Semula Rangka Kerja Pelbagai Budaya

Kerajaan Australia dengan sukacitanya menerbitkan laporan [Kajian Rangka Kerja Pelbagai Budaya](#).

Kajian semula itu memeriksa keadaan masyarakat berbilang budaya Australia, dan menyarankan perubahan kepada undang-undang, dasar dan ketetapan institusi yang membina kekuatannya dan membolehkannya bertindak balas terhadap cabaran sezaman.

Tiga warga Australia yang terkenal – Dr Bulent Hass Dellal AO, Cik Nyadol Nyuon OAM dan Cik Christine Castley – telah menjalankan Tinjauan ini. Panel Tinjauan tersebut telah disokong oleh Kumpulan Rujukan yang berpengetahuan dan relevan: Encik Osmond Chiu; Cik Swati Dave; Cik Rana Ebrahimi; Encik Bachar Houli; Encik John Kamara; Cik Premila Levaci dan Encik Mohammad Al-Khafaji.

Pihak Kerajaan menerbitkan maklumat tentang Kajian semula dan menghantar undangan untuk menyerahkan teks dalam 33 bahasa dan audio dalam 35 bahasa. Pihak panel menerima 796 kiriman, 126 dalam bahasa selain bahasa Inggeris, yang kemudiannya diterjemahkan untuk memaklumkan pemikiran mereka. Kerajaan juga mengundang golongan muda berumur 4 hingga 24 tahun untuk mencorakkan dengan lukisan pengalaman dan pandangan mereka terhadap masyarakat pelbagai budaya kita. Sebanyak 103 karya seni mereka boleh dilihat di <http://www.homeaffairs.gov.au/onlineartexhibition>.

Mengekalkan cerita kejayaan pelbagai budaya kami

Selama sekurang-kurangnya 65,000 tahun, orang Asli dan Penduduk Pulau Selat Torres telah mengekalkan pelbagai budaya di benua ini. Mereka telah menentang percubaan sistemik dan adakalanya kejam untuk menghapuskan mereka dari zaman penjajahan. Multikulturalisme yang berjaya bermula dengan adanya pemahaman yang lebih baik dan perayaan sejarah dan budaya Bangsa Pertama.

Walaupun migrasi ke ke benua Australia bermula pada 1788, semenjak 1945, Australia telah mengalu-alukan 7.5 juta pendatang, termasuk lebih daripada 950,000 orang pelarian dan mereka yang memerlukan bantuan kemanusiaan. Perubahan yang mendalam lagi aman ini adalah sumber kekuatan dan kebanggaan negara.

Penemuan utama daripada Kajian

Ahli-ahli Panel menjelajah ke seluruh Australia untuk berunding dengan lebih 1430 individu dan 750 organisasi. Di antara hasil tinjauan, pihak Panel mendapati:

- Walaupun kerajaan mesti mewujudkan undang-undang dan dasar untuk mencegah diskriminasi, menggalakkan hak yang saksama dan menyediakan akses kepada perkhidmatan awam yang kukuh, mereka yang menganggap Australia sebagai negara asal mereka hendaklah bersama-sama berkongsi tanggungjawab untuk mengekalkan masyarakat berbilang budaya kita.
- Komuniti luar bandar semakin menuju kearah kepelbagaian budaya dan merupakan suatu bahagian penting dalam cerita pelbagai budaya.
- Banyak faktor membentuk kehidupan rakyat Australia yang pelbagai. Kerajaan mesti mempertimbangkan bentuk diskriminasi yang bersilang semasa mencipta dasar.
- Golongan muda, yang akan menentukan masa depan berbilang budaya Australia, harus dijadikan pusat pertimbangan semasa mencipta dasar.

Pihak panel menerbitkan 29 cadangan daripada tiga prinsip teras Kajian Semula:

- Pertalian – menetapkan asas Australia berbilang budaya melalui kepimpinan, perancangan dan kebertanggungjawapan antara semua peringkat kerajaan dan komuniti.
- Identiti dan kekitaan – mewujudkan Australia yang bersemangat ramah mesra melalui program bahasa Inggeris, polisi kewarganegaraan, dan penyertaan dalam seni, budaya, sukan dan media.
- Rangkuman – membina keupayaan budaya ke dalam perkhidmatan awam, program bantuan geran yang sesuai, memastikan kemasukan digital dan sektor perkhidmatan bahasa yang kukuh, dan memenuhi keperluan unik golongan muda dan kawasan luar bandar.

Ini adalah antara kajian yang sangat penting dan padu tentang multikulturalisme Australia yang pernah dijalankan. Kerajaan komited dan berpandukan prinsip Rangka Kerja, sambil kami membina komitmen kami untuk memastikan persekitaran berbilang budaya Australia memanfaatkan kebolehan semua warga Australia.